

16 OCT 1998

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KE JEPUN

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja lima hari.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Duta Malaysia ke sini Tan Sri Khatib Abdul Hamid.

Jadual lawatan yang ketat menunggu Dr Mahathir dengan pelbagai pertemuan akan diadakan dengan kalangan para editor media, ahli-ahli perniagaan terkemuka, ahli akademik dan para pegawai kerajaan Jepun.

Beliau dijangka memberi penjelasan mengenai langkah Malaysia memperkenalkan kawalan dan pertukaran mata wang untuk melindungi ekonomi Malaysia daripada ketidaktentuan luar.

Dr Mahathir juga dijangka memberi penerangan mengenai perkembangan politik berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet dan kebimbangan di Jepun mengenai hubungan tegang Kuala Lumpur dan Singapura.

Dalam siri pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka Jepun sepanjang lima hari itu, beliau dijangka akan turut memberi penjelasan bagi menyangkal kebimbangan mereka mengenai pelaburan di Malaysia.

Hari ini Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua pengarang lapan akhbar utama Jepun, agensi berita Kyodo dan NHK, perbadanan penyiaran Jepun. Beberapa temuramah juga akan diadakan dengan pertubuhan-pertubuhan media yang lain semasa lawatan ini.

Beliau turut dijadual berjumpa dengan Keidanren, dewan perniagaan terunggul Jepun, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan menghadap Maharaja Akihito.

Perdana Menteri akan menghadiri Persidangan Antarabangsa Kedua Tokyo mengenai Pembangunan Afrika (TICAD II) yang dirasmikan di sini pada Isnin, susulan kepada TICAD I yang diadakan di sini pada 1993 hasil usaha kerajaan Jepun untuk menggalakkan pembangunan di negara-negara Afrika yang sebahagian besarnya masih miskin.

Dr Mahathir sendiri sebagai penyokong kuat pembangunan di Afrika melalui kerjasama Selatan-Selatan akan berucap pada persidangan itu yang akan dihadiri 10 ketua-ketua kerajaan Afrika.

-- BERNAMA

AU RON